



Pengorbanan ibu motivasi kecemerlangan

KUANTAN: Kegigihan ibu menjual kuih bagi menyara kos pendidikannya, menjadi motivasi berharga bagi Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman, sehingga muncul pemenang Anugerah Diraja Pingat Jaya Cemerlang pada majlis Konvokesyen kedua, Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam.

Syed Mohamad Hamzah, 24, dari Kuala Ketil, Kedah, berkata pengorbanan ibunya, Sharifah Azizah Al-Junid Syed Junid, 58, menjual kuih selama 15 tahun bagi membantu menyara keluarga, hanya akan terbalas jika dia mampu muncul pelajar terbaik di universiti.

"Ibu menjual kuih untuk menyara kami tiga beradik, terutama selepas bapa sebagai pekerja am, bersara dan dari situ, saya berazam mengubah nasib keluarga," katanya ketika ditemui selepas menerima anugerah itu yang disampaikan Canselor UMP, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, semalam.

Lebih membanggakan, Syed Mohamad Hamzah yang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) dan kini melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), turut berjaya membuktikan kepada keluarganya bahawa ilmu diperoleh di UMP mampu menjadikannya usahawan berjaya apabila memulakan perniagaan sebagai me-

"Saya buka syarikat dengan modal permulaan RM3,000 di Bandar Baru Bangi, Selangor dan sekarang mempunyai lima pekerja.

"Ini membuktikan bukan semua graduan universiti mahu bekerja makan gaji. Sebenarnya, minat berniaga timbul selepas melihat ibu menjual kuih dan saya yakin, bidang ini mampu memberi pulangan lumayan pada masa depan," katanya.

Sementara itu, rakannya, Khor Huei Chen, 23, yang menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dari Kuala Lumpur dan turut menerima anugerah sama, berkata cara belajar konsisten kerana tinggal di asrama, asas kejayaannya.